

Bahasa Melayu cerminan keluhuran pekerti

Oleh **SHAMSUL JANGARODIN**
shamj@sph.com.sg

MENITIKBERATKAN nilai sopan santun serta budi pekerti yang baik dalam penggunaan bahasa Melayu menjadi tema Bulan Bahasa 2012.

Bagi memastikan matlamat itu dapat dicapai, Jawatankuasa Kerja Bulan Bahasa 2012 akan mempertingkatkan usaha mereka memasyarakatkan bahasa Melayu di kalangan semua lapisan masyarakat.

Pelbagai acara telah disusun sepanjang tiga minggu bermula 1 Julai ini di tiga lokasi pusat – Perpustakaan Awam Central, Esplanade dan Perpustakaan Daerah Jurong – dan beberapa kawasan lain di serata Singapura.

Aktiviti itu diharap dapat menggalak golongan yang jarang menggunakan bahasa Melayu, atau mereka yang berasakan bahawa penguasaan bahasa Melayu kurang baik, membina keyakinan yang lebih tinggi menggunakan bahasa Melayu.

Berbeza daripada tahun-tahun sudah, Bulan Bahasa 2012 – yang ke-25 diadakan sejak dilancarkan pada 1988 – diadakan sepanjang tiga minggu dan tidak sebulan, memandangkan bulan Ramadan dijangka tiba pada 21 Julai ini.

► Tiga lagi dilantik sebagai Duta Bahasa 4

Menjelaskan tema tahun ini, “Kukuhnya Nilai Eloklah Budi”, di sidang media Bulan Bahasa 2012 di library@esplanade semalam, Pengerusi Bulan Bahasa 2012, Encik Zaqy Mohamad, berkata “tema ini bertujuan memberi penekanan bahawa bahasa tidak harus dilihat dari setakat aspek teknikal, komunikasi atau pendidikan, malah mencerminkan hati budi, nilai-nilai dan identiti orang Melayu”.

Beliau, yang pertama kali menyandang jawatan pengerusi Bulan Bahasa, memberi contoh kekata yang dilafaz semasa adat meminang, pertunangan dan pernikahan yang halus dan tertib melambangkan nilai dan budi yang harus dipelihara masyarakat.

“Sungguhpun (bahasa) Inggeris menjadi bahasa utama di kalangan ramai anggota masyarakat kita, tentunya harapan kami mahu melihat bahasa Melayu tetap mewarnai masyarakat kita. Dan caranya ialah bagi kita kembangkan (penggunaan bahasa Melayu) menerusi pengukuhan nilai dan budi kita,” kata Encik Zaqy, juga Anggota Parlimen bagi GRC Chua Chu Kang.

Di sidang media itu, Encik Zaqy memperkenalkan tiga Duta Bahasa baru: Pemberita, Encik Daud Yusof, 44 tahun; penyanyi, Encik Imran Ajmain, 31 tahun; dan mahasiswa yang juga penulis novel, Cik Munirah Jaafar, 19 tahun.

Selain mendapatkan penglibatan sekolah-sekolah dan Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di serata negara bagi mengadakan aktiviti di peringkat akar umbi seperti pertandingan sahibba, deklamasi sajak dan dikir barat, Bulan Bahasa tahun ini juga bekerja rapat dengan badan-badan seni mapan lain seperti Esplanade dan Sri Warisan.

Misalnya, Esplanade akan menganjurkan konsert kecil bertajuk ‘Ilham Pujangga’ yang memaparkan lagu-lagu Allahyarham Ismail Haron, manakala Sri Warisan pula akan mengadakan acara Bual-Bual Seni, iaitu beberapa seniman mapan diundang berkongsi pengalaman.